

**ACCCIM Suarakan Kebimbangan Terhadap Dasar Gaji Minimum  
Bernama  
6 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Gabungan Dewan Perniagaan dan Industri Cina Malaysia (ACCCIM) berkata badan itu tidak membantah penetapan gaji minimum bagi melindungi kebajikan pekerja.

Bagaimanapun katanya, kadar yang ditetapkan tidak sepatutnya terlalu tinggi, dan dilaksanakan segera memandangkan ia boleh mendatangkan kesan negatif serta boleh menyebabkan perniagaan ditutup.

Dalam satu kenyataan Selasa, dewan itu mempertikai kenyataan Menteri Sumber Manusia Datuk Seri Dr S Subramaniam bahawa kos operasi perniagaan hanya meningkat satu atau dua peratus apabila gaji minimum dilaksanakan.

"Ia tidak mencerminkan kedudukan sebenar," katanya.

"Sebabnya ialah sebaik gaji minimum ditetapkan, ia bukan sahaja melibatkan pekeja berpendapatan rendah, malah gaji semua pekerja lain perlu diselaraskan.

"Ini juga akan meningkatkan caruman untuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Perkeso, elaun lebih masa dan sebagainya. Ini akan menjejaskan mudah tunai kebanyakan PKS," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650321>